

PENGURUSAN RISIKO PANDEMIK COVID-19 DALAM SEKTOR PELANCONGAN: SATU TINJAUAN LITERATUR

COVID-19 PANDEMIC RISK MANAGEMENT IN THE TOURISM SECTOR: A LITERATURE REVIEW

Natasya Farhana Nazry¹
Jabil Mapjabil²

¹Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah (UMS)
(E-mel: natasyafarhana2803@gmail.com)

²Institut Kajian Orang Asal Borneo (BorIIS), Universiti Malaysia Sabah (UMS)
(E-mel: jabil@ums.edu.my)

Article history

Received date : 1-9-2021
Revised date : 2-9-2021
Accepted date : 11-10-2021
Published date : 28-10-2021

To cite this document:

Natasya Farhana Nazry & Jabil Mapjabil (2021).
Pengurusan risiko pandemik COVID-19 dalam sektor
pelancongan: Satu tinjauan literatur. *International
Journal of Accounting, Finance and Business
(IJAFB)*, 6 (36), 1 - 9.

Abstrak: Artikel ini meneliti tentang pengurusan risiko pandemik terhadap sektor pelancongan. Pelancongan merupakan sektor terpenting yang menjadi penyumbang utama terhadap ekonomi negara. Namun begitu, kemunculan wabak pandemik COVID-19 yang berlaku merupakan ancaman utama yang terpaksa dihadapi oleh sektor pelancongan pada hari ini. Keadaan ini secara tidak langsung mengganggu kelangsungan serta melumpuhkan perkembangan sektor pelancongan secara keseluruhannya. Sehingga ke hari ini, isu ini masih tidak menemui penyelesaian yang efektif. Oleh itu, artikel ini meneliti pengurusan risiko pandemik terhadap sektor pelancongan dengan merujuk beberapa konsep utama yang terlibat. Sehubungan dengan itu, perbincangan dalam artikel ini dapat membantu dalam memahami aspek pengurusan risiko pandemik COVID-19 terhadap sektor pelancongan terutamanya kepada tuan rumah (host) dan pihak pemegang taruh terlibat.

Kata Kunci: Pengurusan Risiko, Pandemik, COVID-19, Pelancongan

Abstract: This article examines the management of pandemic risk to the tourism sector. The tourism sector is the most important sector of the country which is a major contributor to the national economy. Nevertheless, the emergence of the COVID-19 pandemic that occurred is a major threat that the tourism sector must face today. This situation indirectly disrupts the survival and cripples the development of the tourism sector. To this day, this issue still has not found an effective solution. Therefore, this article examines the management of pandemic risk to the tourism sector with reference to the key concepts involved. Accordingly, the discussion in this article can help in understanding the risk management aspects of the COVID-19 pandemic to the tourism sector, especially to the hosts and stakeholders involved.

Keywords: Risk Management, COVID-19, Pandemic, Tourism

Pengenalan

Pelancongan merupakan antara sektor yang semakin mendapat perhatian dalam era globalisasi. Pelbagai tarikan pelancongan ditawarkan oleh pelbagai negara seperti tarikan alam semula jadi, budaya, makanan dan sebagainya. Hal ini kerana industri pelancongan mampu membangunkan aspek fizikal, sosial, ekonomi, budaya, politik serta teknologi. Menurut Goeldner dan Ritchie (2011), pelancongan adalah gabungan fenomena dan hubungan yang wujud daripada interaksi antara pelancong, pembekal perniagaan (perkhidmatan), kerajaan tuan rumah (*host*) serta komuniti tuan rumah dalam proses menarik serta menerima kedatangan pelancong. Kerancangan perkembangan sektor pelancongan terbukti apabila industri pelancongan dikenal pasti sebagai pendorong utama dalam pembangunan sektor perkhidmatan dan pada masa yang sama industri pelancongan mengambil peranan yang lebih besar dalam merangsang ekonomi sesebuah negara.

Namun begitu, kelangsungan aktiviti pelancongan membimbangkan apabila menularnya wabak COVID-19 yang kemudiannya diisytiharkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sebagai pandemik kerana virus ini telah merebak secara meluas ke seluruh dunia. Keadaan ini secara tidak langsung merencatkan kelangsungan perjalanan dan aktiviti sektor pelancongan. Malahan diburukkan lagi memandangkan pandemik ini merupakan yang pertama kali berlaku dan semua pihak termasuk pemimpin negara tidak mempunyai sebarang persediaan untuk berhadapan dengannya. Menurut Wut et al. (2021), industri pelancongan perlu peka terhadap pelbagai cabaran dan krisis sama ada ancaman dari segi dalaman mahupun luaran. Oleh yang demikian, pengurusan risiko pandemik COVID-19 terhadap sektor pelancongan adalah menjadi satu keperluan untuk memastikan isu ini dapat diatasi dengan baik. Justeru, artikel konseptual ini bertujuan untuk meneliti konsep yang mendasari aspek pengurusan risiko pandemik COVID-19 terhadap sektor pelancongan agar perkaitan dan pelaksanaan pengurusannya dapat difahami dengan lebih mendalam.

Metodologi Kajian

Artikel ini menggunakan metodologi analisis dokumen bagi mengenal pasti konsep pengurusan risiko pandemik terhadap sektor pelancongan. Ini adalah kajian awal yang dilakukan berdasarkan data sekunder dan sumber literatur. Analisis dokumen daripada pelbagai sumber kajian yang terdahulu membantu penyelidik dalam mengukuhkan lagi kajian yang dilakukan. Data sekunder melibatkan penggunaan data yang sedia ada. Semua data ini diringkaskan dan dikumpulkan untuk meningkatkan keberkesanan penyelidikan secara keseluruhan. Data ini dikumpulkan melalui internet, perpustakaan dan sebagainya. Ini adalah kaedah yang mudah, menjimatkan kos dan menjimatkan masa. Sebilangan besar data sekunder dan bahan literatur dapat diakses daripada pelbagai sumber.

Kepelbagaian dokumen dapat membantu pengkaji mengungkap makna, mengembangkan pemahaman dan menemui gambaran yang berkaitan dengan masalah penyelidikan (Meriam, 1988). Analisis dokumen banyak berfungsi sebagai pelengkap kaedah penyelidikan lain dan merupakan kaedah yang boleh berdiri sendiri. Menurut Patton (1990), triangulasi dapat mengelakkan penyelidik daripada berhadapan dengan masalah seperti penemuan kajian adalah sederhana artifak kaedah tunggal, sumber tunggal atau *bias* penyiasat tunggal. Pemilihan metodologi ini dapat memberikan gambaran secara keseluruhan tentang kajian lepas dari pelbagai aspek yang boleh dijadikan rujukan dan panduan untuk kajian pada masa hadapan. Oleh itu, dalam kajian ini, terdapat beberapa dokumen dan sumber literatur terdahulu yang diteliti.

Hasil Kajian Literatur dan Perbincangan

Konsep Pengurusan Risiko

Risiko merujuk kepada keadaan yang berlaku secara tiba-tiba dan di luar jangka (Coombs, 2007). Menurut Kementerian Kesihatan Malaysia, KKM (2015), risiko merupakan sesuatu keadaan di dalam atau di luar organisasi yang berpotensi memberi impak serta menghalang organisasi daripada mencapai objektifnya, menyampai perkhidmatannya, melaksana atau menjalankan projek dengan sebaiknya. Berikutan peredaran masa dan perkembangan dalam kebanyakan bidang pengetahuan, konsep risiko berkembang melalui aplikasinya dalam pelbagai bidang yang seterusnya membawa terhadap penerokaan dan pembangunan struktur pengurusan risiko. Fink (2013) menjelaskan bahawa pengurusan risiko adalah proses yang melibatkan sesebuah organisasi menggunakan strategi untuk mengatasi kejadian luar jangka yang mengancam organisasi dan pihak berkepentingan. Pengurusan risiko adalah proses bagi mengenal pasti, menilai dan mengawal risiko serta salah satu ciri utama bagi sesebuah organisasi cemerlang. Organisasi perlu bertindak secara positif terhadap potensi risiko yang ada dan yang dijangka, di samping memahami dan berusaha untuk mengawal sebarang kebarangkalian berlakunya risiko yang mungkin menjejaskan penyampaian perkhidmatan.

Pengurusan risiko adalah suatu strategi, proses dan sebagai ukuran yang dirancang dan dilaksanakan sebagai langkah pengurangan ketika berhadapan dengan krisis (Glaesser, 2006; Wut et al., 2021). Selain itu, pengurusan risiko terdiri daripada rangka kerja dan proses yang membolehkan organisasi mengurus risiko dengan efektif, efisien dan sistematik secara menyeluruh dalam konteks strategik, program, projek dan operasi serta penambahbaikan berterusan. Objektif pengurusan risiko adalah memastikan risiko yang memberi kesan ke atas pencapaian perkhidmatan teras, menjejaskan pengurusan kewangan dan ketidakberkesanan pengurusan sumber dikawal secara sistematik. Selain itu, merekodkan hasil analisis ke atas setiap insiden risiko yang dapat dikenal pasti secara komprehensif sebagai rujukan pengurusan tinggi dalam memastikan tindakan bersesuaian dapat diambil dengan berkesan. Seterusnya, pengurusan risiko berupaya menjadi mekanisme dalam mengkoordinasi tindakan pencegahan dan mitigasi ke atas insiden risiko yang dikenal pasti. Akhir sekali, pengurusan risiko berupaya menjadi panduan utama dalam pelaksanaan tindakan ke atas pengurusan bencana, komunikasi semasa krisis dan tindak balas semasa kecemasan (KKM, 2015). Konsep pengurusan risiko dalam pelancongan masih belum konsisten dan mantap walaupun takrif konsep ini telah wujud dan stabil dalam bidang lain seperti bidang perniagaan (Mohd Jirey & Jabil, 2021).

Konsep Pandemik

Pandemik ialah epidemik penyakit berjangkit yang merebak melalui populasi manusia menyeberangi kawasan luas, bukan sahaja merangkumi sesebuah benua, malah boleh merebak di seluruh dunia. Istilah pandemik merujuk kepada wabak yang menyerang dalam skop lebih besar, tidak terhad kepada sesuatu komuniti atau daerah semata-mata, mengancam kawasan yang lebih luas seperti sebuah negeri, negara, benua malah seluruh dunia (World Health Organization, 2020). Perkataan pandemik berasal dari teori Yunani iaitu 'pan' bermaksud semua dan 'demo' bermaksud orang-orang. Perkataan pandemik biasanya digunakan untuk merujuk terhadap wabak penyakit berjangkit secara meluas di seluruh negara atau lebih daripada satu negara dan merentasi benua pada masa yang sama (Honingsbam, 2009). Menurut Morens et al. (2009), dalam tempoh dua dekad yang lalu, istilah ini belum ditakrifkan oleh banyak teks perubatan moden. Malah beberapa teks yang berwibawa berkenaan pandemik tidak menyenaraikannya dalam indeks mereka, termasuk sumber sejarah komprehensif perubatan

klasik, buku teks epidemiologi dan laporan institut perubatan yang berpengaruh pada jangkitan baharu muncul.

Pandemik ialah epidemik penyakit berjangkit yang merebak melalui populasi manusia menyeberangi kawasan luas, bukan sahaja merangkumi sesebuah benua, malah boleh merebak ke seluruh dunia (World Health Organization, 2011). Menurut Rubin (2011), pandemik adalah suatu kejutan atau ancaman global pada masa hadapan atau *future global shock*. Hal ini adalah konsisten dengan mengambil kira aspek kesihatan awam dan jangkitan penyakit sebagai suatu ancaman terhadap keselamatan manusia seperti dijelaskan di bawah Program Pembangunan PBB (UNDP) tahun 1994 dan termaktub di bawah Suruhanjaya PBB dalam menangani isu keselamatan manusia. UNDP menganggap keselamatan sebagai suatu pendekatan berpusatkan manusia yang meliputi perlindungan daripada ancaman yang boleh menjejaskan keselamatan dan kebajikan manusia seperti kesan jangkitan penyakit, kebuluran, pengangguran, jenayah, konflik sosial, penindasan politik dan bencana alam.

Secara umumnya, sesuatu pandemik bermula daripada wabak peringkat epidemik yang merebak terlalu luas sehingga tidak terkawal. Penyakit berjangkit yang pernah melanda dunia dan Malaysia tidak terkecuali seperti Ebola, Zika, Avian Flu, Cholera, Dengue Fever, Malaria, Yellow Fever dan SARS (Badariah et al., 2020). Menurut Qiu et al. (2018), terdapat beberapa ciri utama dalam memahami konsep pandemik dengan lebih baik dan mudah, iaitu meneliti persamaan dan perbezaan antara pandemik tersebut, antaranya melalui (i) ciri geografi yang luas, (ii) pergerakan wabak penyakit, (iii) kebaruan atau *novelty* (iv) keterukan atau *severity* (v) kadar serangan wabak yang tinggi, (vi) imuniti penduduk yang minimum dan (vii) kadar infeksi dan penularan. Ringkasnya, apabila sesuatu wabak itu berada pada peringkat endemik dan menyerang satu negara misalnya, tetapi berada dalam keadaan terkawal maka wabak itu tidak dikategorikan sebagai satu pandemik. Endemik adalah wabak yang wujud dan terkawal, sementara pandemik pula merebak pantas tanpa dapat dikawal yang menyebabkan kematian ratusan ribu penduduk.

Konsep Pelancongan

Menurut Mathieson dan Wall (1982), pelancongan adalah pergerakan sementara individu ke destinasi di luar dari kawasan tempat tinggal atau tempat kerja seseorang. Pelancongan turut melibatkan aktiviti yang dilakukan di tempat yang dituju dan kemudahan yang diwujudkan untuk menampung keperluan mereka. Tambahannya lagi, aktiviti pelancongan mempengaruhi serta memberi kesan terhadap dua aspek utama, iaitu alam sekitar manusia dan fizikal. Ritchie et al. (1994) mendefinisikan pelancongan sebagai suatu siri proses yang mengambil kira semua bentuk fenomena yang wujud kesan daripada interaksi antara pelancong, pengusaha pelancongan dan komuniti yang merupakan tuan rumah bertujuan menarik kedatangan pelancong mahupun pelawat asing dan domestik dalam tempoh suatu jangka masa tertentu sehingga mereka kembali ke destinasi asalnya. Weiermair (2004) mengemukakan empat ciri utama pelancongan, iaitu (i) pelancongan mengandungi dua komponen utama, iaitu statik dan dinamik, (ii) pengembaraan atau pergerakan seorang individu yang bersifat sementara dan mempunyai niat untuk kembali semula ke tempat tinggal asalnya, (iii) menjalankan pelbagai aktiviti kecuali niat untuk menetap di sesuatu lokasi yang dilawati dan (iv) seorang individu menjalankan aktiviti yang berbeza daripada pekerjaan kebiasaannya.

Menurut World Tourism Organization (WTO) (2010), pelancongan merupakan aktiviti pengembaraan seseorang individu ke suatu tempat, keluar dari persekitarannya yang asal dan

menetap di situ tidak lebih daripada satu tahun bagi tujuan rehat, perniagaan dan sebagainya. Er (2013) memberikan hujah bahawa pelancongan merujuk kepada aktiviti melawat, melancong atau mengembara ke sesuatu tempat lain yang melebihi lima puluh batu atau 83 kilometer dari tempat kediaman tidak lebih dari satu tahun untuk tujuan rekreasi atau mengisi masa lapang. Pelancongan mempunyai maksud mengikut perspektif dan pandangan pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan industri pelancongan termasuklah pelancong itu sendiri, organisasi, penginapan dan pengangkutan, organisasi pendidikan, pihak kerajaan dan sebagainya (Nurul Shahida, 2016).

Risiko Pandemik COVID-19 terhadap Sektor Pelancongan

Dunia pelancongan sedang berhadapan dengan risiko rebakan wabak pandemik COVID-19 yang semakin menular berikutan berlaku peningkatan kes positif harian dan kes kematian yang tinggi. Lebih teruk lagi apabila pandemik COVID-19 yang melanda dunia berlaku dalam tempoh melebihi 12 bulan. Kajian terdahulu mendapati wujudnya pelbagai risiko wabak pandemik terhadap sektor pelancongan secara tidak langsung berupaya mengubah hala tuju sektor ini sama ada semasa masih berlaku atau selepas berakhirnya wabak pandemik. Risiko ini dapat diteliti berdasarkan pengalaman terdahulu mahupun situasi semasa wabak pandemik dihadapi di dunia. Negara yang menerima ketibaan pelancong yang tinggi berisiko terjejas teruk kesan daripada berlakunya wabak. Namun begitu, risiko yang dihadapi oleh setiap negara di Asia adalah pelbagai dan berbeza. Hal ini kerana risiko yang dihadapi adalah bergantung terhadap beberapa faktor seperti kesiapsiagaan sistem perubatan, kepentingan sektor ekonomi kepada negara, mobiliti dan kepadatan penduduk serta sistem sanitasi negara berkenaan (Donald & Yiping, 2004).

Sektor pelancongan berhadapan dengan risiko terutamanya berkenaan minat pelabur dan pelancong. Kebimbangan terhadap aspek kesihatan berupaya mengubah citarasa mahupun minat pelabur untuk melabur dan pelancong untuk berkunjung ke sesuatu destinasi perangan. Wuqi Qiu (2018) menjelaskan berikutan pandemik kebanyakan keluarga mengurangkan permintaan terhadap makanan, pakaian, perjalanan dan hiburan. Malah, bilangan orang yang menginap di hotel merosot dengan teruk. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dalam satu jangka masa yang panjang ditambah pula dengan arahan untuk menghentikan sebarang aktiviti pelancongan serta larangan merentas daerah, negeri dan negara memberikan kesukaran kepada pelbagai sektor swasta dan kerajaan. Keadaan ini secara tidak langsung merencatkan kelangsungan perjalanan dan aktiviti sektor pelancongan (Natasya & Jabil, 2021a). Penutupan sektor pelancongan dalam tempoh masa yang panjang menyebabkan segala aktiviti pelancongan terhenti serta-merta. Dengan kata lain, sektor ini menjadi lumpuh untuk seketika. Rentetan daripada kebimbangan ini menjadikan sumber pendapatan yang diperoleh daripada kehadiran pelancong dan pelabur pelancongan menjadi semakin berkurangan.

Mengimbas kembali semasa permulaan berlakunya pandemik COVID-19, pekerja pelbagai sektor termasuk sektor pelancongan dikejutkan dengan risiko diberhentikan kerja. Tambahan pula apabila Majlis Pelancongan dan Perjalanan Dunia (WTTC) memberikan amaran bahawa pandemik COVID-19 diramal menyebabkan kehilangan 50 juta pekerjaan di seluruh dunia. Pihak kerajaan mengarahkan penutupan semua perniagaan termasuk aktiviti pelancongan seperti penginapan, hotel dan sebagainya sehingga penularan pandemik COVID-19 berjaya dikawal. Namun begitu, terdapat segelintir pekerja yang terpaksa dibayar gaji asas atau sebahagian daripada jumlah gaji berikutan daripada arahan yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Walaupun masih beruntung kerana dibayar gaji, namun keadaan ini tetap

membimbangkan kerana bebanan tanggungan sedia ada yang perlu dihadapi pekerja masih perlu diselesaikan.

Dalam pada itu, negara di Asia dijangka akan terjejas teruk. Sektor pelancongan diramal mengalami kerugian RM50 bilion sehingga RM60 bilion kerana kekurangan pelancong akibat COVID-19. Salah satu sektor perkhidmatan dalam pelancongan, iaitu sektor penginapan dianggarkan mengalami kerugian sebanyak 3.3 bilion daripada hasil sewaan bilik hotel dari bulan Januari sehingga Jun 2020 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020). Tempoh pemulihan ekonomi negara dijangka sekurang-kurangnya enam bulan selepas krisis COVID-19 berakhir. Fasa pemulihan yang memerlukan satu tempoh masa yang panjang ini membimbangkan terutamanya kepada pengusaha pelancongan skala kecil dan sederhana (PKS). Hal ini mengambil kira faktor seperti modal, liabiliti dan sebagainya yang harus diambil kira oleh pihak pengusaha dalam menentukan hala tuju perusahaan setelah berlakunya pandemik selama tempoh melebihi setahun ini.

Pengurusan Risiko Pandemik COVID-19 terhadap Sektor Pelancongan

Pengurusan risiko yang dilaksanakan setakat ini lebih fokus terhadap memastikan sektor pelancongan dapat bertahan semasa pandemik untuk tetap beroperasi selepas berakhirnya pandemik COVID-19. Pihak kerajaan melaksanakan pelbagai inisiatif bagi mengurangkan dan mengawal risiko pandemik COVID-19 terhadap pelbagai sektor ekonomi termasuk pelancongan. Ini bagi menjaga kepentingan industri pelancongan sebagai penggerak utama ekonomi negara. Perancangan yang dilaksanakan ini secara tidak langsung membantu pihak yang terlibat dalam sektor ini untuk bertahan walaupun pandemik COVID-19 berlaku dalam satu tempoh masa yang panjang.

Berikutan berlakunya pertambahan kes positif harian dan kluster tempatan pada awal sehingga pertengahan tahun 2020, kebanyakan negara di dunia mula melaksanakan arahan perintah berkurung. Perintah berkurung didefinisikan sebagai suatu arahan agar semua orang tidak dibenarkan memasuki atau meninggalkan bangunan atau kawasan dengan bebas kerana dalam keadaan yang darurat (Rano et al., 2020). Selepas negara China melaksanakan perintah berkurung, diikuti dengan negara dari Eropah seperti Itali, Perancis dan Jerman, seterusnya Amerika Syarikat, Korea Selatan, Jepun dan lain-lain negara. Di Malaysia, konsep perintah berkurung ini dikenali sebagai Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Perintah ini dikuatkuasakan di bawah Akta Kawalan dan Pencegahan Penyakit Berjangkit 1988 dan di bawah Akta Polis 1967 (Shah et al., 2020). Beberapa negara melanjutkan tempoh perintah berkurung disebabkan kadar jangkitan yang tidak menentu dan wujudnya kluster terbaharu dari semasa ke semasa. Dalam membendung penularan jangkitan COVID-19 pada masa ini, pelaksanaan perintah berkurung adalah antara langkah yang berkesan dan hampir kesemua negara di dunia menggunakan pendekatan sama dalam memerangi COVID-19.

Seterusnya, langkah penutupan sempadan negara secara serta-merta dan menghentikan operasi semua sektor ekonomi termasuk pelancongan. Ini adalah antara larangan semasa perintah berkurung dikuatkuasakan. Arahan ini dilaksanakan dengan mengambil kira faktor keselamatan dan risiko yang dihadapi memandangkan penularan COVID-19 yang berlaku dengan pantas dan merebak ke seluruh dunia dalam tempoh masa kurang daripada tiga bulan. Tindakan ini bukan sahaja dapat meminimumkan risiko jangkitan bahkan dapat mengelakkan daripada wujudnya kluster sektor pelancongan. Walaupun penutupan operasi ini secara tidak langsung mengganggu kelangsungan aktiviti sektor pelancongan sekali gus menjejaskan pendapatan

negara, namun peningkatan kes positif harian sehingga menyebabkan kematian mendesak pihak kerajaan untuk kekal dengan arahan sedemikian. Pada masa yang sama pihak kerajaan perlu berusaha lebih giat untuk memastikan rebakan wabak dalam kawalan dan kepentingan pelbagai sektor terjaga.

Dalam usaha ini, pihak kerajaan menyediakan bantuan dan insentif kepada sektor pelancongan. Inisiatif secara langsung Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) memberi suntikan semangat kepada sektor pelancongan yang terkesan ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0. Bantuan berkenaan sekali gus berupaya membantu menjayakan matlamat Pelan Pemulihan Negara (PPN). Bantuan kewangan geran bantuan khas secara *one-off* RM3000.00 di bawah inisiatif Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA) bagi syarikat pengendalian pelancongan yang berlesen di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC). Sehingga kini, sebanyak 2899 syarikat telah menerima bantuan ini (MOTAC, 2021). Bantuan lain yang turut diberikan ialah Skim Pembiayaan Sektor Pelancongan Jana Semula Ekonomi (PENJANA). Skim ini bertujuan membantu pemulihan dan mengekalkan keupayaan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang terlibat dalam sektor teras dan sektor pelancongan yang layak. Semua usaha ini bagi memastikan sub sektor pelancongan tetap bertahan walaupun terpaksa beroperasi dengan cara yang berbeza.

Sub sektor pelancongan dibenarkan beroperasi dengan pematuan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat. Secara asasnya, terdapat tiga perkara utama yang terangkum dalam setiap SOP yang ditetapkan, iaitu aktiviti yang dibenarkan, aktiviti tidak dibenarkan dan arahan tetap. Tindakan yang perlu dilakukan adalah seperti saringan kesihatan, iaitu saringan suhu, gejala COVID-19 dan pemakaian pelitup muka. Tindakan seterusnya adalah laporan kesihatan. Had bilangan pengunjung dari semasa ke semasa bagi setiap sesi tertakluk kepada kesesuaian tempat bagi mematuhi penjarakan fizikal di destinasi pelancongan. Ini merupakan norma baharu dalam kehidupan menentang COVID-19 yang perlu dihadapi oleh semua pihak. Kebenaran ini membolehkan pengusaha sektor pelancongan dapat menarik nafas lega memandangkan sektor ini tidak beroperasi dalam tempoh lebih daripada tiga bulan. Walaupun perlu mematuhi semua SOP yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bukanlah menjadi satu bebanan kerana semua SOP yang ditetapkan adalah demi menjaga keselamatan dan mengawal penularan COVID-19 serta mengurangkan kos ekonomi.

Pengurusan risiko pandemik COVID-19 masih dalam fasa permulaan. Justeru, masih terdapat limitasi dalam usaha pelaksanaan pengurusan risiko bagi menangani dan mengawal pandemik ini. Dengan mempelajari pengalaman dalam menghadapi pandemik yang lalu, para penyelidik pelancongan digesa untuk mengemukakan rancangan pengurusan dan tindak balas krisis yang proaktif. Strategi pemulihan perlu dirangka dengan teliti bagi memastikan sektor pelancongan negara kembali pulih untuk terus memacu pertumbuhan ekonomi negara terutamanya selepas berakhirnya wabak pandemik (Natasya & Jabil, 2021b).

Kesimpulan

Risiko wabak adalah kompleks tetapi pembuat dasar perlu responsif dengan menyediakan beberapa mekanisme untuk menanganinya. Sesetengah alat atau mekanisme yang digunakan adalah untuk mengurangkan perebakan wabak berkenaan. Perubahan dalam persekitaran tempatan mahupun global memerlukan semua pihak yang terlibat dalam sektor pelancongan

lebih resilien, inovatif dan berdaya saing di samping melaksanakan pengurusan risiko berikutan penularan pandemik COVID-19 yang masih berterusan sehingga kini. Tegasnya, usaha yang lebih proaktif diperlukan agar memastikan sektor pelancongan dapat mengekalkan kepentingannya dalam menjadi penyumbang utama ekonomi negara. Tindakan ini adalah relevan kerana pandemik COVID-19 masih menular dan tiada jalan penyelesaian yang betul-betul efektif. Bukan itu sahaja, sumbangan sarjana dalam memahami isu ini dengan memberikan tumpuan terhadap konsep dan aspek penting yang berkaitan membantu pihak berkepentingan untuk menjadi lebih proaktif dalam merancang dan melaksanakan tindakan selanjutnya. Oleh itu, suatu keperluan agar kajian masa akan datang dapat menambah baik pengurusan risiko pandemik COVID-19 terhadap sektor pelancongan agar pandemik yang berlaku dapat dikawal dan dibendung.

Rujukan

- Badariah Badariah Ab Rahman, Rosazman Hussin, Jabil Mapjabil, Ayesah Uy Abubakar, Nor-Ina Kanyo, Dzurizah Ibrahim, Rizal Othman & Siti Mariam Gulam. (2020). Tinjauan literatur penyakit berjangkit dan kesan penularan COVID-19 kepada golongan B40. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*.
- Coombs, W.T. (2007). Protecting organization reputations during a crisis: The development and application of situational crisis communication theory. *Corporate Reputation Review*, 10, 163-176.
- Donald Hanna & Yiping Huang. (2004). The impact of SARS on Asian economies. Asian Economic Papers 3:1. The Earth Institute at Columbia University and the Massachusetts Institute of Technology. *The Asian Economic Panel Meeting*. 11-12 May 2003, Keio University, Tokyo.
- Er, A.C. (2013). Pembangunan pelancongan lestari di Melaka: Perspektif pelancong. *Malaysian Journal of Society and Space*, 9(3), 12-23.
- Fink, S. (2013). *Crisis Communications: The Denitive Guide to Managing the Message*. New York: McGraw-Hill.
- Glaesser, D. (2006). *Crisis Management in the Tourism Industry*: Taylor & Francis. Dipetik dari <http://books.google.co.nz/books?id=bdwZ6IDZLDEC>. Diakses pada 27 September 2021.
- Goeldner, C. R. & Ritchie, J. R. B. (2011). *Tourism: Principle, Practices, Philosophies*. (12th edition). New Jersey: John Wiley & Sons, Inc.
- Honingsbaum. M. (2009). *Historical Keyword Pandemic*. The Lencet, 373.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020a). COVID-19 Kesan Kepada Produk Pelancongan. Dicapai dari [https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/6_Newsletter/ Newsletter %202020/DOSM_BPAN_9-2020_Siri-73.pdf](https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/6_Newsletter/Newsletter%202020/DOSM_BPAN_9-2020_Siri-73.pdf). Diakses pada 27 September 2021.
- Kementerian Kesihatan Malaysia, KKM. (2015). *Pelan Pengurusan Risiko 2016-2020: Laporan Penilaian dan Strategi Kawalan Risiko*. Malaysia: Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia, MOTAC. (2021). *Inisiatif Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA)*. Dipetik dari <http://www.motac.gov.my/pemerkasamotac2021>. Diakses pada 5 Oktober 2021.
- Mathieson, A. & Wall, G. (1982). *Tourism: Economic, Physical, and Social Impacts*. New York: Longman Scientific & Technical. p. 133-176.
- Merriam, S. B. (1988). *Case Study Research in Education: A Qualitative Approach*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Mohd Jirey Kumalah & Jabil Mapjabil. (2021). Pengurusan krisis dan bencana dalam pelancongan: Tinjauan terhadap kerangka kerja dan model terpilih. *4th International*

- Conference of Languages, Education and Tourism 2021*. International Islamic University Malaysia, Gombak, Selangor. 28-30 Jun 2021.
- Morens, D.M., Folkers, G.K. & Fauci, A. S. (2009). What is Pandemic? *J Infect Dis.*, 200(7) 1018-1021.
- Natasya Farhana Nazry & Jabil Mapjabil. (2021a). Resilien dan cabaran usahawan pelancongan skala mikro dan kecil: Satu analisis konseptual. *The International Conference on Languages, Education and Tourism 2021*. International Islamic University Malaysia, Gombak, Selangor. 28-30 Jun 2021.
- Natasya Farhana Nazry & Jabil Mapjabil. (2021b). The impact of COVID-19 pandemic on micro & small scale tourism entrepreneurs: A literature review. *Global Tourism Conference*. Universiti Malaysia Terengganu, Terengganu. 7-9 September 2021.
- Nurul Shahida Amdan. (2016). *Profil, Motif dan Persepsi Pelancong terhadap Langkawi, Malaysia sebagai Destinasi Pelancongan Sukan*. Malaysia: Universiti Putra Malaysia.
- Patton, M. Q. (1990). *Qualitative Evaluation and Research Methods (2nd ed.)*. Newbury Park, CA: Sage.
- Rano Mal Piryani, Suneel Piryani, Shomeeta Piryani, Dhana Ratna & Mzaherul Huq. COVID-19 and lockdown: Be logical in relaxing it. *Journal of Lumbini Medical College 2020*:88(1) Vol.8. No.1 Jun 2020.
- Ritchie, B. W. (2004). Chaos, crises, and disasters: A strategic approach to crisis management in the tourism industry. *Tourism Management*, 25(6), 669-683.
- Rubin, H. (2011). *Future Global Shocks: Pandemics*. OECD Project, Paris.
- Shah, A. U. M., Safri, S. N. A., Thevadas, R., Noordin, N. K., Rahman, A. A., Sekawi, Z., Ideris, A. & Sultan, M. T. H. (2020). COVID-19 outbreak in Malaysia: Actions taken by the Malaysian government. *International Journal of Infectious Diseases*, 97, 108-116.
- Weiermair, Klaus & Christine Mathies. (2004). *The Tourism and Leisure Industry: Shaping the Future*. Binghamton, NY: Haworth Hospitality Press.
- World Health Organization. (2011). The classical definition of a pandemic is not elusive. *Bull. World Health Organ*, 89 (7), 540541.
- World Health Organization. (2020). Coronavirus. Dicapai dari <https://www.who.int/health-topics/corona-virus#tab=tab>. Diakses pada 28 Oktober 2021.
- WTO. (2010). *Yearbook of Tourism Statistics*. Madrid: WTO.
- Wuqi Qiu, Cordia Chu, Ayan Mao & Jing Wu. (2018). The impacts on health, society and economy of SARS and H7N9 outbreaks in China: A case comparison study. *Journal of Environmental and Public Health*, Vol. 2018, 1-7.
- Wut Tai Ming, Jing (Bill) Xu & Shun-mun Wong (2021). Crisis management research (1985–2020) in the hospitality and tourism industry: A review and research agenda. *Tourism Management*, Vol. 85.